

PENILAIAN KRITIS STATUS HADIS DALAM MANUSKRIP MELAYU MSS 3201 RAWDAT AL-‘ULAMA’: PENDEKATAN FILOLOGI DAN TAKHRIJ

CRITICAL ANALYSIS OF HADITH AUTHENTICITY IN THE MALAY MANUSCRIPT MSS 3201 RAWDAT AL-‘ULAMA’: A PHILOLOGICAL AND TAKHRIJ-BASED APPROACH

Nurul Atiqah Saedin¹
Latifah Abdul Majid^{2*}

¹ Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: p161354@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: umilm@ukm.edu.my)

*Corresponding author: umilm@ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-4-2026

Revised date : 4-4-2026

Accepted date : 24-4-2026

Published date : 15-5-2026

To cite this document:

Saedin, N. A., & Abdul Majid, L. (2026). Penilaian kritikal status hadis dalam manuskrip Melayu MSS 3201 Rawdat al-'Ulama': Pendekatan filologi dan takhrij. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 356-373.

Abstrak: *Fenomena penyebaran hadis da‘if dan riwayat yang tidak diketahui asal-usulnya dalam teks tradisional Jawi serta wacana keagamaan masyarakat Melayu menimbulkan keperluan mendesak terhadap penilaian semula autoriti sumber hadis dalam tradisi intelektual Alam Melayu. Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian manuskrip Melayu selama ini lebih tertumpu pada aspek kodikologi, filologi dan sejarah teks, manakala analisis takhrij hadis terhadap kandungan manuskrip masih bersifat marginal dan belum dibangunkan secara metodologis. Justeru, kajian ini meneliti manuskrip abad ke-19M MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’, sebuah karya yang menghimpunkan hadis dan riwayat bertemakan fada’il, tarhib dan tarhib, melalui integrasi antara analisis manuskrip Melayu dan metod takhrij hadis secara sistematik. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen menerusi kajian kepustakaan dengan penerapan kaedah takhrij meliputi penelusuran sumber asal, analisis sanad dan matan serta penentuan status hadis berdasarkan disiplin al-jarh wa al-ta’dil. Analisis terhadap sampel hadis terpilih menunjukkan kewujudan variasi autoriti riwayat, melibatkan hadis maqbul, hadis mardud dan riwayat yang tidak dapat dikesan sumber asalnya. Dapatan ini memperlihatkan bahawa transmisi hadis dalam manuskrip Jawi tidak berlaku secara homogen, sebaliknya dipengaruhi oleh dinamika intelektual, pedagogi dan budaya keagamaan tempatan. Kajian ini menyumbang kepada pembinaan kerangka metodologi baharu bagi pengkajian manuskrip hadis di Alam Melayu, di samping memperkukuh wacana tentang autoriti hadis, transmisi ilmu dan standardisasi kajian manuskrip Islam serantau.*

Kata Kunci: *Takhrij Hadis; Manuskrip Jawi; MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’; Hadis Fada’il; Warisan Intelektual Ulama Melayu*

Abstract: *The proliferation of da‘if hadiths and narrations of unknown provenance within traditional Jawi texts and Malay religious discourse necessitates a critical reassessment of the authority and authenticity of hadith sources in the intellectual tradition of the Malay world. Existing scholarship demonstrates that studies on Malay manuscripts have predominantly focused on codicological, philological, and historical dimensions, while systematic takhrij analysis of hadith content remains relatively underexplored and methodologically underdeveloped. In response to this gap, the present study examines the nineteenth-century manuscript MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’, a compendium of hadiths and narrations concerning fada‘il, targhib, and tarhib, through an integrated framework combining Malay manuscript analysis with a systematic hadith takhrij methodology. Employing a qualitative approach based on document analysis and library research, the study applies takhrij procedures encompassing source tracing, sanad and matn analysis, and the determination of hadith status according to the discipline of al-jarh wa al-ta‘dil. Analysis of selected narrations reveals varying degrees of textual authority, including maqbul hadiths, mardud hadiths, and narrations whose original sources could not be identified. These findings indicate that the transmission of hadith within Jawi manuscripts was neither homogeneous nor purely textual, but rather shaped by local intellectual, pedagogical, and religious-cultural dynamics. This study contributes to the development of a new methodological framework for the study of hadith manuscripts in the Malay world, while further advancing scholarly discourse on hadith authority, knowledge transmission, and the standardisation of Islamic manuscript studies in the region*

Keywords: *Hadith Takhrij; Jawi Manuscripts; MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’; Fada‘il al-A‘mal Hadith; Intellectual Legacy of Malay Scholars*

Pengenalan

Fenomena penyebaran hadis da‘if, sangat da‘if, bahkan tidak diketahui asal-usulnya dalam teks tradisional Jawi serta wacana keagamaan masyarakat Melayu menjadi isu yang semakin membimbangkan dalam konteks pengajian Islam kontemporari. Kajian Dakir (2016) membuktikan bahawa hadis-hadis yang tidak sahih masih tersebar luas melalui kitab Jawi, khutbah dan ceramah, berpunca daripada kelemahan semakan sumber asal dan ketiadaan proses takhrij. Dalam masa yang sama, penyelidikan manuskrip Melayu moden didapati lebih menekankan aspek fizikal naskhah, kodikologi dan sejarah penyalinan, sementara analisis terhadap kandungan hadis dan kesahihan sanad masih kurang diberi perhatian (Fathurahman, 2004; Fathurahman, 2022). Kekosongan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk menjalankan kajian takhrij hadis secara sistematik terhadap manuskrip Jawi agar kandungan hadisnya dapat dinilai secara ilmiah dan bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka latar belakang manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’ bagi memahami konteks penghasilan dan penyalinannya. Pemahaman terhadap latar sejarah manuskrip penting kerana tradisi persuratan Jawi berkembang melalui jaringan ulama Nusantara dengan pusat keilmuan Islam, khususnya di Haramain (Fathurahman, 2004). Tambahan pula, maklumat mengenai proses penyalinan manuskrip dapat membantu menilai autoriti teks serta latar intelektual yang mempengaruhi pemilihan hadis dalam karya tersebut (Harun et al., t.th.). Bukti menunjukkan MSS 3201 telah disalin di Palembang pada tahun 1291H/1874M, sebuah pusat keilmuan Islam yang signifikan pada abad ke-19M (Mamat & Aris, 2024). Oleh itu, penerokaan latar belakang manuskrip ini menjadi asas penting bagi memahami nilai ilmiah dan konteks penggunaannya.

Kajian ini seterusnya bertujuan mengenal pasti sumber asal serta menilai status sanad dan matan hadis-hadis yang terkandung dalam MSS 3201 Rawdat al-'Ulama'. Hal ini kerana kajian terhadap manuskrip Jawi lain membuktikan bahawa sebahagian besar hadis dikemukakan tanpa sanad atau tanpa penjelasan *mukharrij* yang jelas (Senin, 2019; Isamudin & Ibrahim, 2023). Selain itu, ketiadaan penilaian sanad dan matan membuka ruang kepada penggunaan hadis yang lemah atau tidak sahih dalam amalan masyarakat tanpa semakan kritikal (Dakir, 2016). Kajian dan Aris (2024) turut membuktikan MSS 3201 menampilkan ketidakseragaman dalam penyampaian hadis, termasuk riwayat yang hanya dikemukakan dalam bentuk terjemahan Melayu. Justeru, pelaksanaan takhrij hadis menjadi keperluan ilmiah bagi menentukan kedudukan sebenar hadis-hadis dalam manuskrip ini.

Dalam kerangka yang lebih luas, objektif ketiga kajian ini adalah untuk menganalisis implikasi penggunaan hadis *fada'il* dalam MSS 3201 terhadap wacana hadis semasa. Hal ini kerana di antara gejala negative yang melanda umat Islam sejak sekian lama tersebar apa yang disebut sebagai hadis-hadis maudu' atau hadis palsu yang telah banyak membawa implikasi buruk kepada umat Islam baik dari segi akidah, ibadah, pemikiran dan akhlak mereka (Abdullah, 2005). Di samping itu, kajian terdahulu menunjukkan penggunaan hadis *fada'il* yang tidak diverifikasi turut menyumbang kepada perbezaan pandangan serta ketegangan dalam perbincangan keagamaan kontemporari (Senin, 2019). Bukti ini memperlihatkan penilaian semula hadis dalam manuskrip tradisional amat diperlukan agar selari dengan disiplin ilmu hadis. Oleh itu, analisis terhadap implikasi ini membantu menjelaskan kesan langsung kandungan manuskrip terhadap pemahaman keagamaan semasa.

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan kritikal dalam bidang kajian hadis manuskrip Melayu melalui penerapan takhrij hadis secara sistematik terhadap MSS 3201 Rawdat al-'Ulama'. Kajian ini menyumbang kepada pemurnian penggunaan hadis dalam teks Jawi, memperkukuh autoriti warisan persuratan Islam Melayu sebagai sumber ilmiah, serta menyokong usaha membendung penyebaran hadis tidak sahih dalam masyarakat (Avivy, 2018; Wadjedy & Ali, 2025). Dengan itu, kajian ini bukan sahaja memperkaya khazanah akademik hadis Nusantara, malah memperkukuh amalan tabayyun dalam wacana keagamaan kontemporari.

Perkataan takhrij berasal daripada kata kerja Arab *kharaja* (خرج) yang membawa maksud keluar. Dari sudut bahasa, istilah ini merujuk kepada perbuatan mengeluarkan sesuatu. Menurut Birbik (2020), secara literal takhrij terbentuk daripada kata dasar *kharaja*, dan daripada istilah tersebut dapat difahami tiga maksud utama. Pertama, proses mengenal pasti dan menetapkan sumber asal hadis (*istinbat*). Kedua, penjelasan berkenaan sumber-sumber hadis tersebut melalui kaedah yang tepat dan sahih (*tawjih*). Ketiga, satu disiplin ilmu yang merangkumi kaedah serta kemahiran untuk menelusuri dan menemukan sumber hadis (*tadrib*).

Manakala Mahmud al-Tahhan mentakrifkan takhrij hadis sebagai usaha menunjukkan kedudukan sesuatu hadis dalam sumber asalnya, menyebutkannya bersama sanad, serta menghuraikan status hadis tersebut apabila diperlukan (al-Tahhan, 1999). Selari dengan itu, Deraman (2001) menjelaskan takhrij hadis merupakan satu cabang ilmu yang membincangkan sumber hadis dan rantaian sanadnya, di samping menerangkan kedudukan serta penilaian hadis-hadis berkenaan mengikut keperluan kajian. Takhrij ialah kajian menyeluruh berkaitan sesuatu hadith iaitu suatu ilmu yang mengkaji pada perkara usul dan manahij yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadis serta *mutaba'atnya* dan *shawahidnya* daripada sumber yang

asli dan separa asli, dan mengetahui status hadis sama ada diterima atau ditolak (Abu al-Layth, 2004).

Secara terminologi, takhrij al-hadith merujuk kepada proses mengenal pasti asal-usul sesuatu hadis melalui penelusuran semula sumber-sumber primer dalam literatur hadis, khususnya kutub al-hadith, bagi menentukan lokasi periwayatannya, rangkaian sanad, kandungan matan, serta penilaian statusnya menurut pandangan para ulama hadis. Dengan erti kata lain, takhrij merupakan suatu kaedah ilmiah yang berfungsi untuk menilai tahap kesahihan dan keutuhan sesuatu hadis melalui aktiviti pencarian, penelitian kritikal, dan pengesahan terhadap sanad dan matannya (Wadjedy & Ali, 2025). Secara keseluruhannya, ilmu takhrij hadis dapat dirumuskan sebagai satu bidang yang memfokuskan kepada kaedah dan metodologi bagi menelusuri asal-usul hadis daripada sumber-sumber yang muktabar, seterusnya menilai kedudukan dan kekuatan hadis tersebut berdasarkan prinsip penilaian yang sah dan berautoriti.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kandungan dan kajian kepustakaan bagi meneliti autoriti hadis dalam manuskrip Melayu abad ke-19. Fokus utama kajian ialah manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’, yang dipilih sebagai sumber primer kerana kandungannya menghimpunkan riwayat-riwayat bertemakan *fada’il*, *targhib* dan *tarhib* yang signifikan dalam tradisi keagamaan masyarakat Melayu. Kajian memfokuskan kepada dua dimensi utama, iaitu analisis tekstual manuskrip serta verifikasi hadis melalui metodologi *takhrij* secara sistematik. Sebanyak 12 hadis dipilih secara purposif sebagai sampel kajian berdasarkan kekerapan penggunaan, representasi tema dan kepelbagaian bentuk riwayat dalam manuskrip. Proses takhrij dilaksanakan melalui penelusuran sumber asal hadis dalam karya-karya hadis muktabar menggunakan pangkalan data digital dan repositori hadis berautoriti seperti *al-Maktabah al-Shamilah*, *Darar al-Saniyyah*, *Islamweb Hadith Database* dan *HDith.com*. Prosedur analisis melibatkan pengesanan sumber hadis, perbandingan varian matan, analisis kesinambungan sanad, serta penilaian kredibiliti perawi berdasarkan prinsip *al-jarh wa al-ta’dil*. Status hadis kemudiannya ditentukan dengan merujuk kepada penilaian ulama hadis klasik dan kontemporari bagi memastikan ketepatan verifikasi dan konsistensi analisis.

Dari aspek pengumpulan data, kajian bergantung kepada analisis dokumen yang melibatkan sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’ serta kitab-kitab hadis turath yang digunakan dalam proses takhrij dan verifikasi riwayat. Sumber sekunder pula terdiri daripada artikel jurnal berindeks, buku akademik, tesis, dan kajian terdahulu berkaitan ilmu hadis, metodologi takhrij, filologi manuskrip, dan tradisi transmisi hadis di Alam Melayu. Analisis data dijalankan secara bersepadu melalui pendekatan deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif diaplikasikan dengan menjadikan prinsip-prinsip umum ilmu hadis dan metodologi takhrij sebagai kerangka analisis terhadap hadis-hadis terpilih. Pendekatan induktif pula digunakan untuk mengenal pasti pola khusus dalam manuskrip, termasuk struktur sanad, variasi matan, teknik pemindahan riwayat dan kecenderungan penilaian hadis, sebelum dirumuskan kepada dapatan yang bersifat konseptual dan umum. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan kajian menghasilkan analisis yang lebih sistematik, kritikal dan metodologis, sekali gus memperkukuh kesahan akademik kajian manuskrip hadis dalam konteks pengajian Islam di Alam Melayu.

Manuskrip Melayu MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’: Pengenalan

Manuskrip ditakrifkan sebagai segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya

100 tahun (PNM, 2014). Manuskrip Melayu yang dibincangkan dalam artikel ini ialah MSS 3201 yang berjudul *Rawdat al-'Ulama'*. Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) yang terletak di Aras 11, Menara PNM, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan tersenarai dalam Katalog Koleksi PNM, Tambahan Keempat terbitan tahun 2006 (PNM, 2006). Walaupun institusi ini bukanlah satu-satunya yang menyimpan koleksi manuskrip Melayu, namun ia dilihat agak terkehadapan daripada institusi lain dalam usaha memelihara dan memulihara naskhah manuskrip Melayu termasuk mengendalikan proses pendigitalannya (PNM, 2012). Secara keseluruhannya, MSS 3201 berada dalam keadaan yang baik dan terpelihara. Dari segi fizikal, manuskrip ini mengandungi sebanyak 129+2 folio dengan ukuran 20.5 × 16.5 cm, dan setiap halaman folio memuatkan kira-kira 15 baris tulisan.

Naskhah manuskrip MSS 3201 menggunakan kertas laid Eropah yang jarang digunakan dalam tradisi penulisan manuskrip Melayu. Walaupun kertasnya nipis dan licin menyerupai kertas Timur, analisis kodikologi mengesahkan bahawa kertas tersebut ialah kertas Eropah berdasarkan kehadiran garisan menegak dan mendatar (*chain* dan *laid line*) yang tersusun dan konsisten. Dari segi fizikal, manuskrip ini pada asalnya dijilid dan dijahit dengan rapi menggunakan pembalut kulit berwarna hitam, manakala kuras dan folio dilitupi kulit coklat serta dihiasi corak *blind stamping*. Namun, keadaan semasanya menunjukkan kerosakan pada jahitan dan jilidan, menyebabkan sebahagian kuras dan folio berceraian. Manuskrip ini agak tebal dan terdiri daripada kira-kira enam kuras, dengan beberapa daripadanya telah rosak dan terpisah. Teks manuskrip ditulis menggunakan dakwat hitam dengan rubrikasi berwarna ungu pada ayat-ayat tertentu, khususnya pada permulaan bab dalam bahasa Arab dan Melayu. Alas tulisnya ialah kertas *laid* Eropah berwarna putih kekuningan tanpa tera air (*watermark*) dan masih dalam keadaan baik. Tulisan tangan kelihatan kemas dan konsisten, menggunakan gabungan khat *nasakh* dan *riq'ah*. Penanda awal bab ditonjolkan melalui gaya tulisan khas pada lafaz Basmalah dan frasa 'sahibul hikayat', serta dihiasi elemen berbentuk bulatan pada folio 1r.

MSS 3201 mengandungi dua judul teks, iaitu teks utama *Rawdat al-'Ulama'* (ff. 1r-124v) dan teks sisipan Hikayat Nuh bin Maryam yang hanya meliputi sekitar lima folio. Fokus utama manuskrip ini ialah kitab *Rawdat al-'Ulama'*. Identiti pengarang kitab ini tidak dapat dipastikan kerana ketiadaan catatan khusus, suatu perkara yang lazim dalam tradisi manuskrip Melayu. Walau bagaimanapun, manuskrip ini dikenal pasti sebagai milik Raden atau Syeikh Muhammad Khatib dari Palembang, dan disalin oleh Muhammad bin Haji Sulaiman, seorang dari Pontianak yang menetap di Palembang, berdasarkan naskhah asal milik Raden Haji Muhammad Khatib Palembang, sebagaimana dicatat pada folio 1r dan kolofon manuskrip (Mamat & Aris, 2024).

Berdasarkan tulisan pada f. 1r, naskhah MSS 3201 dikenal pasti sebagai milik Abdul Rahman bin Muhammad bin Haji Sulaiman, iaitu anak kepada penyalin manuskrip tersebut. Manuskrip ini merupakan salinan daripada kitab yang sebelumnya dimiliki oleh Syeikh Muhammad Khatib Palembang. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci mengenai pengarang dan penyalin manuskrip ini masih belum dapat dipastikan dan memerlukan kajian lanjutan. Tokoh Syeikh Muhammad Khatib Palembang juga kurang dikenali dalam penulisan sejarah Palembang, namun beliau dipercayai seorang alim dan berpengaruh, sejajar dengan gelaran 'Khatib' yang merujuk kepada peranan sebagai imam dan penyampai khutbah (Yasmin, 2016; Mamat & Aris, 2024). Catatan manuskrip MSS 3201 disalin di Palembang dan disiapkan pada 5 Muharram 1291H bersamaan 3 Mac 1874M di Kampung Delapan Belas Ilir menunjukkan manuskrip ini

dihasilkan pada abad ke-19M di Palembang, Sumatera Selatan, dan maklumat ini selaras dengan bukti kodikologi serta kondisi kertas manuskrip. Namun, perincian lanjut mengenai aspek ini masih memerlukan penyelidikan lanjutan.

Selain itu, Rawdat al-‘Ulama’ membicarakan pelbagai fadilat dan kelebihan amalan dalam Islam dengan menghimpunkan ayat al-Quran, hadith Nabi Muhammad SAW, riwayat sahabat serta kisah para Nabi, wali, hukama’, zuhud dan orang soleh. Karya ini tersusun secara sistematik dengan mukadimah, 17 bab berrubrikasi, dan penutup serta memuatkan 111 petikan hadith dan cerita. Berdasarkan gaya penulisan dan mukaddimah, kitab ini berkemungkinan merupakan terjemahan atau saduran daripada sumber hadith asal ke dalam bahasa Melayu untuk masyarakat Palembang. Secara keseluruhan, kandungannya merangkumi perbincangan fadilat amalan seperti tauhid, selawat, sabar, tawakkal, solat, hari-hari keutamaan Islam, jihad dan sedekah yang bertujuan memberi galakan dan motivasi berterusan kepada umat Islam. Pendekatan hadith berteraskan tema *targhib* dan *tarhib* ini juga lazim dalam karya hadith Alam Melayu (Mamat & Aris, 2024; Deraman, 1998).

Dari sudut metodologi penulisan hadith, Rawdat al-‘Ulama’ memperlihatkan kepelbagaian kaedah dalam penyampaian matan dan sanad hadith. Penulis kadangkala mengemukakan matan hadith secara lengkap, sebahagian matan, atau hanya terjemahan sahaja, manakala aspek sanad pula tidak ditampilkan secara konsisten, sama ada dengan menyebut perawi utama sahaja, dua generasi perawi, atau tanpa sebarang penyebutan perawi. Walaupun kaedah ini tidak memenuhi piawaian penulisan hadith secara teknikal, ia mencerminkan sasaran pembaca karya ini yang terdiri daripada masyarakat awam, serta fokus penulis untuk menyampaikan mesej agama secara ringkas, mudah difahami dan berkesan.

Dari aspek sumber pula, analisis menunjukkan Rawdat al-‘Ulama’ bukan saduran langsung daripada karya-karya hadith *targhib* dan *tarhib* yang masyhur seperti *Lubab al-Hadith* karya Jalal al-Din al-Suyuti atau *al-Targhib wa al-Tarhib* karya al-Mundhiri walaupun terdapat sedikit persamaan dari segi genre dan pendekatan. Perbezaan lafaz, pemilihan hadith dan kandungan menunjukkan bahawa karya ini berkemungkinan bersumberkan rujukan lain yang masih belum dikenal pasti secara jelas. Justeru, Rawdat al-‘Ulama’ wajar dianggap sebagai sebuah karya hadith tersendiri dalam khazanah manuskrip Melayu, yang membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan bagi menelusuri sumber, konteks dan sumbangannya dalam sejarah keilmuan Islam di Alam Melayu (Deraman, 1998; Ibrahim et al., 2012)

Status Hadith dalam Manuskrip Melayu MSS 3201 Rawdat Al-‘Ulama’

Fathurahman et al. (2012) menyimpulkan ilmu takhrij hadis (pengeluaran dan pengesahan hadis) merupakan satu bidang ilmu yang membahaskan metodologi yang memudahkan para penyelidik untuk mengesan sumber sesuatu hadis, serta mengenal pasti *mutaba‘at* (sokongan riwayat) dan *shawahid* (riwayat penguat) bagi hadis tersebut. Sumber hadis merangkumi sumber asal, sumber yang menyerupai sumber asal, serta sumber yang bukan asal. Ilmu takhrij hadis juga menjelaskan sama ada sesuatu hadis itu diterima (*maqbul*) atau ditolak (*mardud*). Hadis-hadis dalam Manuskrip Melayu MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’ dikategorikan oleh penulis kepada tiga jenis, iaitu hadis *maqbul*, hadis *mardud* dan hadis yang tidak diketahui sumbernya. Ulasan lanjut adalah seperti berikut:

Hadis *Maqbul*

Jadual 1. Jadual Hadis *Maqbul* dalam Manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’

No.	Muka Surat Dalam Manuskrip	Teks/Terjemahan Hadis	Status Hadis	Catatan
1.	f. 5r	Ceritara daripada Jabir ibn ‘Abd Allah katanya kudengar sabda Rasulullah SAW “أفضل الذكر لا إله إلا الله وأفضل الدعاء الحمد لله”	Hasan	Dinilai hasan gharib oleh al-Tirmidhi, sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim, manakala al-Albani menilainya sebagai hasan.
2.	f. 7r	Ceritara daripada Anas ia mendengar daripada Mu’az ibn Jabal RA kata Mu’az sekali peristiwa ada ku berkenderaan serta Rasulullah SAW maka sabdanya akan daku hei Mu’az adakah engkau ketahui apa hak Allah atas hambanya dan apa hak hamba pada tuhanNya maka sahutku Allah dan rasulnya juga yang terlebih tahu akan demikian itu maka sabda Rasulullah SAW adapun hak tuhan atas hambanya itu membawa ibadah mereka itu akan Allah dan bahawa diesakannya Allah taala dengan kesaannya dan jangan disekutukannya dengan sesuatu jua pun dan hamba hak segala hamba pada Allah taala itu bahawa tiada ia menyeksa akan barangsiapa yang tiada menyekutu-menyekutu akan dia dengan sesuatu jua pun.	Sahih Muttafaqun ‘Alayh	Lafaz hadisnya seperti berikut: عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: بَيْنَمَا أَنَا رَدِيفُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، لَيْسَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ إِلَّا آخِرَةُ الرَّحْلِ، فَقَالَ: (يَا مُعَاذُ). قُلْتُ: لَيْتَيْكَ رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، ثُمَّ سَارَ سَاعَةً ثُمَّ قَالَ: (يَا مُعَاذُ). قُلْتُ: لَيْتَيْكَ رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، ثُمَّ سَارَ سَاعَةً ثُمَّ قَالَ: (يَا مُعَاذُ). قُلْتُ: لَيْتَيْكَ رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، ثُمَّ قَالَ: (هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ). قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: (حَقُّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ أَنْ يُعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا). ثُمَّ سَارَ سَاعَةً، ثُمَّ قَالَ: (يَا مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ). قُلْتُ: لَيْتَيْكَ رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، فَقَالَ: (هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ إِذَا فَعَلُوهُ). قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: (حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعْبَدِيَهُمْ)
3.	f. 10r	Sabdanya Rasulullah SAW barangsiapa mengucap selawat akan daku sekali bahawasanya Allah taala memberi Rahmat sepuluh kali.	Sahih	Hadis Abu Hurairah ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya, al-Nasai. Juga dihukumkan sahih oleh al-Tirmidhi dalam al-

				Jami'. Diriwayatkan juga oleh al-Darimi dan Imam Ahmad (al-Albani, 2002).
4.	f. 12r	Ceritara daripada Anas ibn Malik RA katanya bahawa Abu Talhah pada suatu hari datang kepada Rasulullah SAW maka dilihatnya Rasulullah SAW terlalu sukacita dan nyaman hati maka sembahnya ya Rasulullah mengapa muka hamba lihat tuan hamba terlalu suka pada hari ini maka jawab Rasulullah SAW mengapa aku tiada suka bahawa Jibril seketika ini jua baharu ia naik ke langit mencerita ia akan daku berbagai kurnia tuhanku akan umatku sesungguhnya barangsiapa mengucap selawat akan daku sekali disuratkan Allah taala sepuluh kebajikan pahalanya dan dihapuskan Allah daripadanya sepuluh kejahatan dan dibangkitkan Allah daripadanya sepuluh darjat dan dihiaskan Allah baginya sepuluh rahmat.	Hasan li Ghayrih	Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam al-Musnad dengan sanad yang daif oleh Syeikh al-Arnaut (Hanbal, 2001). Adapun menurut al-Albani hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Nasai dinilai hasan li ghayrih (al-Albani, 2000).
5.	f. 12r	Ceritara daripada Ali RA sabda Rasulullah SAW apabila seseorang yang membaca doa maka adalah antaranya dan antara langit suatu dinding hingga mengucap selawat ia apabila mengucap selawatlah ia maka segala dinding itu dan masuklah doa itu lalu ke hadrat Allah taala apabila tiada mengucap selawat maka kembali doa itu kepadanya jua.	Hasan Mawquf	Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Shu'ab al-Iman, Abu al-Qasim al-Taymi, Ibn Abi Sharih, Ibn Bashkuwal dan selain daripada mereka melalui riwayat al-Harith al-A'war daripadanya Saidina Ali. Al-Harith al-A'war telah dihukum daif oleh kebanyakan ulama namun diriwayatkan daripada Ahmad ibn Salih bahawa beliau

menilainya sebagai thiqah (dipercayai). Hadis ini juga dikeluarkan oleh al-Tabarani dalam al-Mu‘jam al-Awsat dan oleh al-Bayhaqi dalam Shu‘ab al-Iman melalui riwayat al-Harith dan Asim ibn Damrah, kedua-duanya daripada Ali. Ia juga diriwayatkan oleh al-Tabarani, al-Harawi dalam Dhamm al-Kalam Lah, Abu al-Shaykh, dan al-Daylami melalui jalur ini serta al-Bayhaqi dalam Shu‘ab al-Iman dan Ibn Bashkuwal, kesemuanya secara mawquf (terhenti pada sahabat) dengan lafaz ringkas: “Setiap doa terhalang sehingga berselawat ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad ﷺ.” Dan riwayat mawquf itu lebih hampir kepada yang benar (lebih kuat) (al-Sakhawi, t.th.).

Sumber: Pengkaji (2026)

Hadis *Mardud*

Jadual 2. Jadual Hadis *Mardud* dalam Manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’

No.	Muka Surat Dalam Manuskrip	Teks/Terjemahan Hadis	Status Hadis	Catatan
1.	f. 3r	أوحى الله تعالى إلى بعض أنبيائه يا عبادي لا اله الا الله حصني فمن دخل حصني أمن من عذابي	Sanadnya Da‘if	Hadith ini diwayatkan oleh al-Syirazi di dalam al-Alqab, sanad hadis daripada al-Syirazi dinilai daif oleh al-‘Iraqi (al-Ghumari, 1996). Namun terdapat hadis sahih yang boleh dijadikan sandaran yang diwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya dengan lafaz : مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ
2.	f. 4r	Ceritara daripada Anas ibn Malik katanya datang kepadaku Mu‘az ibn Jabal maka kataku dari manakah engkau datang maka sahutnya bagiku adalah aku datang daripada Rasulullah SAW maka kataku apa jua pendengarannya daripada Rasulullah SAW maka sahutnya bagiku mendengar sabda Rasulullah SAW Barang siapa menyebut lā ilāha illa Allah dengan tulus hatinya maka sesungguhnya syurga ia maka pergilah Anas bin Malik menghadap ke hadrat Rasulullah SAW maka ia bertanya Ya Rasulullah sungguhnyaakah barang siapa mengucap lā ilāha illa Allah masuk syurga ia maka sabdanya SAW sesungguhnya barangsiapa menyebut lā ilāha illa Allah Muhammad Rasulullah masuk syurga ia.	Sanadnya Da‘if	Salamah ibn Wardan melalui jalur Anas ibn Malik daripada Mu‘az ibn Jabal dinilai munkar al-Hadis oleh Imam Ahmad serta daif oleh al-‘Ijli dan al-Daraqutni. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam kitabnya al-Mu‘jam al-Kabir. Namun terdapat hadis Mu‘az yang berkedudukan sahih yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari dengan lafaz: مَا مِنْ أَحَدٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

				صِدْقًا مِنْ قَلْبِهِ، إِلَّا حَرَمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ
3.	f. 10r	Sabda Rasulullah SAW barangsiapa mengucap selawat akan daku tiap tiap hari tiga kali kerana kasihnya dan kerana dendamnya akan daku adalah sebenar-benarnya bagi Allah mengampuni dosanya pada hari itu dan pada malamnya.	Munkar	Diriwayatkan oleh Ibn Abi 'Asim dalam al-Solat 'ala al-Nabi yang mana dalam sanadnya terdapat al-Fadl ibn 'Ata' yang dihukumkan isnaduhu muzlim oleh al-Dhahabi (al-Haythami, 1994). Adapun al-Albani menghukumkan hadis ini sebagai munkar. Namun terdapat hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Nasai dalam al-Sunan al-Kubra dan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman dengan lafaz: مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَحُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ، وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ

Sumber: Pengkaji (2026)

Hadis yang Tidak Diketahui Sumbernya

Jadual 3. Jadual Hadis yang Tidak Ditemui Sumbernya dalam Manuskrip MSS 3201 Rawdat al-'Ulama'

No.	Muka Surat Dalam Manuskrip	Teks/Terjemahan Hadis	Status Hadis	Catatan
1.	f. 8r	Ceritara daripada Ibn Umar RA sabda Rasulullah SAW bahawa sesungguhnya dibawa seseorang daripada umatku ke hadapan segala khalayak yang banyak pada hari kiamat maka dibukakan baginya sembilan puluh sembilan surat amalnya itu panjangnya saujana mata menentang di dalam surat itu segala dosanya dan derhakanya maka firman Allah taala akan dia	Hadis ini tidak ditemui daripada jalur Ibn 'Umar RA	Namun, terdapat lafaz yang sama daripada jalur 'Abd Allah ibn 'Amr ibn al-As yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, dan beliau berkata: hadis ini hasan lagi gharib; juga diriwayatkan oleh

engkau sangkalikah segala dosa yang tersurat di dalam sijil ini atau aniaya kiraman katibin kah akan dikau kalau diperbanyakkannya surat kejahatanmu maka sembahnya tiada hambamu sangkali ya tuhanku dan tiada hambamu dianiaya kiraman katibin sekaliannya itu sungguh dosa hambamu. Maka firman Allah taala ada pada aku suatu kebajikanmu maka hairanlah ia maka sembahnya ya tuhanku suatu pun tiada ada amalku yang baik bagimu. Maka firman Allah taala Adalah amalmu yang baik pada aku bahawa sesungguhnya tiada dapat siapa menganiaya dikau pada hari ini maka dikeluarkan Allah taala baginya sekeping kertas yang kecil di dalamnya tersurat “ لا إله إلا الله لا محمدًا عبده ورسوله”. Maka sembahnya ya tuhanku surat kecil ini adakah boleh menyamai sijil yang banyak ini. Maka firman Allah taala bahawasanya tiada engkau teraniaya pada hari ini maka dihantarkan sijil yang kecil ini pada suatu daun neraca maka ringanlah segala sijil yang banyak itu dan jadi berat sijil yang kecil itu sesungguhnya tiada yang terlebih berat daripada nama Allah taala itu jua.

Ibn Majah, Ibn Hibban dalam kitab Sahihnya, al-Hakim dan al-Bayhaqi. Al-Hakim berkata: hadis ini sahih menurut syarat penilaian Muslim (al-Mundhiri, 1968; Ibn Hajar, 1994).

2.	f. 5r	Ceritara daripada ‘Ali ibn Abi Talib RA katanya kudengar sabda Rasulullah SAW bahawa Allah taala mendirikan suatu tiang daripada manikam yang merah terdiri dibawah arasy Allah taala maka kaki tiang itu lalu kebelakang ia kan yang menjunjung bumi apabila diucap hamba Allah “ لا إله إلا الله محمد رسول الله ” dengan tulus hatinya maka bergeraklah tiang arasy itu dan ia kan yang menjunjung bumi dan tiang daripada manikam yang merah itu maka firman Allah taala diamlah	Hadis ini tidak ditemui melalui jalur ‘Ali ibn Abi Talib RA	Namun di sana terdapat hadis seumpama ini melalui jalur Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh al-Mudhiri dengan lafaz إن لله تعالى عموداً تحت العرش؛ فإذا قال العبد: لا إله إلا الله؛ اهتز ذلك العمود، فيقول الله عز وجل: اسكن. فيقول: يا رب! وكيف أسكن ولم تغفر لقاتلها؟! قال: فيقول:
----	-------	---	---	---

		engkau hai tiang arasy maka sembah tiang arasy itu ya tuhanku betapa peri hambamu diam kerana engkau tiada mengampun hambamu yang mengucap “ لا إله إلا الله ” itu daripada segala dosanya yang kecil dan yang besar dan yang zahir dan yang batin.	فإني قد غفرت له، قال: فيسكن عند ذاك tetapi hadis ini dihukum maudu’ oleh al-Albani (al-Albani, 1992).
3.	f. 6r	<p>Ceritara daripada Abi al-Darda’ RA kudengar sabda Rasulullah SAW bahawa hamba Allah yang mukmin apabila diucap “ لا إله إلا الله محمد رسول الله ” dikeluarkan Allah daripada mulutnya malaikat seperti burung yang hijau maka baginya dua sayap daripada manikam yang hijau sebelah sayapnya ke masyrik sebelah sayapnya ke maghrib jika dikembangkannya sayapnya nescaya lalu ke maghrib dan ke masyrik maka terbanglah ia ke atas hingga lalu ke arasy maka baginya berdengung-dengung seperti madu maka kata malaikat yang menjunjung arasy diamlah engkau demi kebesaran Allah dan ketinggiannya maka jawab burung itu tiada ku mahu diam hingga diampuni Allah taala bagi barangsiapa mengucap “ لا إله إلا الله ” maka firman Allah bahawa sesungguhnya telah kuampuni bagi hambaku yang mengucap “ لا إله إلا الله محمد رسول الله ” itu maka dianugerahkan Allah taala pula bagi burung itu tujuh puluh ribu lidah maka memohonkan ampun ia dengan segala lidah itu akan yang mengucap “ لا إله إلا الله ” hingga hari kiamat maka dihelanya tangan tulennnya yang menyebut “ لا إله إلا الله ” itu maka dibawanya melalui titian sirat al-mustaqim maka dimasukkannya ia ke dalam syurga.</p>	Hadis ini tidak ditemui sumbernya

4.	f. 10r	<p>Ceritara daripada Hasan ia mendengar daripada Aba Hurairah RA katanya aku dengar sabda Rasulullah tiada jua seseorang daripada umatku mengucap selawat akan daku sekali melainkan disuruhkan Allah taala sampaikan pada seorang malaikat selawatnya itu kepada kuburku telah terlebih segera daripada sekejap mata maka kata malaikat itu ya Muhammad umatmu si anu anak si anu mengucap selawat akan dikau setelah didengar oleh Rasulullah SAW kata malaikat maka sukanya Rasulullah SAW maka sahutnya sampaikan olehmu hai malaikat al-rahman sepuluh salam daripadaku akan umatku dan katakana olehmu padanya jikalau disampaikan Allah taala kepadanya suatu salamku ini nescaya masuk syurgalah ia sertaku dan seharusnya ia diperolehnya syafaatku sekalian maka naik malaikat itu ke langit lalu ia ke bawah arasy Allah taala maka sembahnya ya tuhanku bahawasanya si anu anak si anu mengucap selawat akan nabimu Muhammad sekali maka firman Allah taala akan malaikat itu sampaikan olehmu daripada aku akan hambaku itu sepuluh rahmat yang ku anugerahi akan dia nescaya tiadalah ia dijilat api neraka maka firman Allah taala akan malaikat beri Rahmat olehmu selawat hambaku akan nabiku Muhammad itu dan taruhkan olehmu pada pangkat syurga yang di atas maka dijadikan Allah taala pula dengan sebilang huruf selawat itu malaikat maka pada seorang malaikat itu baginya tiga ratus enam puluh kepala pada suatu kepala tiga ratus enam puluh muka pada suatu muka tiga ratus enam puluh lidah pada suatu lidah tiga ratus enam puluh bagi puji-pujian tiada sebagainya</p>	<p>Hadis ini tidak ditemui sumbernya</p>
----	--------	---	--

puji yang suatu lidah dengan suatu
lidah dan disuratkan Allah taala
pahala segala puji lidah malaikat itu
jatuh kepada yang mengucap
selawat akan Rasulullah SAW.

Sumber: Pengkaji (2026)

Berdasarkan kajian takhrij yang dijalankan terhadap 12 hadis terpilih daripada keseluruhan 111 hadis dalam manuskrip MSS 3201 Rawdat al-‘Ulamā’, hadis-hadis tersebut dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu hadis *maqbul*, hadis *mardud*, dan hadis yang tidak ditemui sumbernya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lima hadis (41.67%) tergolong dalam kategori hadis *maqbul*, iaitu hadis yang diterima sama ada berstatus sahih atau hasan. Hadis-hadis ini sebahagiannya diriwayatkan dalam kitab-kitab hadis muktabar seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Musnad Aḥmad*. Peratusan ini mencerminkan bahawa penyusun Rawdat al-‘Ulama’ masih merujuk kepada sumber hadis yang mempunyai sandaran autoritatif, khususnya dalam perbincangan berkaitan isu asas keagamaan seperti tauhid dan fadilat berselawat.

Namun demikian, kajian ini turut mendapati empat hadis (33.33%) termasuk dalam kategori hadis *mardud* sama ada disebabkan oleh kelemahan sanad, kemunkaran riwayat, atau penilaian ulama hadis yang menghukumkan hadis tersebut sebagai *da‘if* atau munkar. Kewujudan peratusan hadis *mardud* yang ketara ini menggambarkan pendekatan penulisan hadis dalam tradisi Islam Melayu klasik yang tidak menekankan pensahihan sanad secara ketat, sebaliknya lebih menumpukan aspek penyampaian mesej keagamaan dalam kerangka *fada’il al-a‘mal*, *targhib* dan *tarhib*. Selain itu, sebanyak tiga hadis (25.00%) dikenal pasti sebagai hadis yang tidak ditemui sumber asalnya dalam mana-mana kitab hadis muktabar berdasarkan lafaz dan jalur periwayatan yang dinyatakan dalam manuskrip. Walaupun sebahagian hadis ini mempunyai persamaan makna dengan hadis-hadis sahih melalui riwayat sahabat lain, ketiadaan rujukan yang jelas menyebabkan hadis-hadis tersebut dikategorikan sebagai memerlukan penelitian lanjut dan tidak wajar dijadikan sandaran dalam penetapan hukum atau akidah tanpa penjelasan kritis.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan penilaian kesahihan hadis dalam manuskrip Melayu MSS 3201 Rawdat al-‘Ulama’ tidak boleh ditafsirkan secara sempit sebagai pengelasan mutlak antara hadis sahih dan hadis tidak sahih, tetapi perlu ditafsirkan dalam kerangka yang lebih luas sebagai manifestasi dinamika transmisi ilmu hadis dalam tradisi intelektual Islam di Alam Melayu. Analisis terhadap hadis-hadis terpilih memperlihatkan kewujudan spektrum autoriti riwayat yang merangkumi hadis *maqbul*, hadis *mardud* serta riwayat yang tidak dapat dikenal pasti sumber asalnya. Kepelbagaian ini membuktikan manuskrip Jawi berfungsi bukan sekadar sebagai medium dokumentasi hadis, tetapi turut memainkan peranan sebagai instrumen pedagogi dan penyebaran nilai keagamaan melalui pendekatan *fada’il*, *targhib* dan *tarhib* yang dekat dengan budaya pengajaran masyarakat Melayu tradisional. Dalam konteks ini, pemilihan riwayat oleh penyusun manuskrip lebih mencerminkan orientasi didaktif dan spiritual berbanding penapisan sanad yang ketat menurut disiplin hadis klasik.

Dapatan kajian turut memperlihatkan kewujudan riwayat yang tidak dapat dikesan sumbernya berkemungkinan berkait dengan proses adaptasi, transliterasi, ringkasan dan pemindahan ilmu yang berlaku secara dinamik dalam jaringan keilmuan Islam Nusantara. Hal ini menegaskan

bahawa tradisi penulisan hadis dalam manuskrip Melayu berkembang melalui interaksi berterusan antara autoriti keilmuan Islam global dengan realiti sosio-budaya tempatan. Oleh itu, manuskrip Melayu perlu dilihat bukan sebagai teks pinggiran, tetapi sebagai sebahagian daripada ekosistem intelektual Islam yang mempunyai mekanisme transmisi, penerimaan dan penyesuaian ilmu yang tersendiri. Dari sudut metodologi, kajian ini menawarkan suatu kerangka integratif yang menggabungkan analisis manuskrip Melayu dengan metodologi takhrij hadis secara sistematik, sekali gus memperluas horizon metodologi pengajian manuskrip Islam di Alam Melayu yang selama ini lebih tertumpu kepada dimensi filologi dan sejarah teks. Integrasi ini merupakan novelty utama kajian kerana ia memperkenalkan pendekatan rentas disiplin yang membolehkan manuskrip hadis dinilai bukan sahaja dari aspek material dan tekstual, tetapi juga dari sudut autoriti epistemologi kandungan hadis. Pendekatan tersebut secara tidak langsung membuka ruang kepada pembinaan standard metodologi yang lebih kritikal dan berautoriti dalam pengkajian manuskrip hadis Melayu.

Selain menyumbang kepada pengukuhan disiplin kajian manuskrip Islam serantau, kajian ini turut memperkayakan wacana mengenai transmisi hadis, autoriti ilmu dan sejarah intelektual Melayu-Islam. Penemuan kajian membuktikan bahawa manuskrip klasik seperti *Rawdat al-'Ulama'* masih relevan sebagai sumber penting untuk memahami pola penyebaran hadis, pembentukan budaya keagamaan dan perkembangan epistemologi Islam tempatan. Sehubungan itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluas aplikasi metodologi ini terhadap manuskrip-manuskrip hadis lain di Alam Melayu melalui pendekatan perbandingan rentas wilayah, analisis jaringan transmisi ulama, serta penggunaan teknologi digital humanities dan pangkalan data hadis berbantuan kecerdasan buatan (AI). Pendekatan sedemikian berpotensi membentuk suatu corpus kajian manuskrip hadis Melayu yang lebih sistematik, bersepadu dan berimpak global dalam landskap pengajian Islam kontemporari.

Rujukan

- Abdullah, A. N. (2020). Langkah-langkah mengenali hadith palsu. *Jurnal Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*, 2(1), 130-143.
- Abu al-Layth, M. (2004). *Takhrij al-Hadith: Nash'atuhu wa Manhajyyatuhu*. Delhi: Ittihad Deoband.
- al-Albani, M. N. D. (1992). *Silsilat al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharuha al-Sayyi' fi al-Ummah*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- al-Albani, M. N. D. (2000). *Ṣaḥīḥ al-Targhib wa al-Tarḥīb*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Albani, M. N. D. (2002). *Sahih Sunan Abi Dawud*. Cet. 1. Kuwait: Mu'assasat Ghiras li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-'Asqalani, A. A. M. (1994). *Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakirah min Atraf al-'Asharah*. al-Madinah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'at al-Mushaf al-Sharif & Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah.
- Avivy, A. L. F. (2018). Jaringan keilmuan hadis dan karya-karya hadis nusantara. *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies*, 8(16), 63-82.
- Birbik, M. H. (2020). Takhrij hadiths: Metode penelitian sumber-sumber hadiths untuk meminimalisir pengutipan hadiths secara sepihak. *Ar-Risalah, Media Keislaman, Pendidikan dan Hukum Islam*, 18(1), 176-192.
- Dakir, J. (2016). Takhrij hadith-hadith masyhur dalam masyarakat Melayu di Malaysia: Usaha ke arah membersihkan dan memartabatkan al-Sunnah. *Jurnal Ushuluddin: Media Dialog Pemikiran Islam*, 20(1), 121-146.
- Deraman, F. (1998). Karya-karya hadith dalam tulisan jawi. *Jurnal Usuluddin*, 7, 163-174.
- Deraman, F. (2001). Ilmu takhrij al-hadith: Pengertian, sejarah dan kepentingannya. *Jurnal Usuluddin*, 14, 55-64.
- Fathurahman, O. (2004). Jaringan ulama: Pembaharuan dan rekonsiliasi dalam tradisi intelektual Islam di dunia Melayu-Indonesia. *Studi Islamika*, 11(2), 361-385.
- Fathurahman, O. (2022). Naskah dan tradisi keilmuan Islam Melayu-Nusantara. *International Journal of West Asian Studies*, 14, 26-33.
- al-Ghumari, A. M. S. (1996). *al-Mudawi li 'Ilal al-Jami' al-Saghir wa Sharhay al-Manawi*. al-Qahirah: Dar al-Kutubi.
- Hanbal, A. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. al-Qahirah: Mu'assasat al-Risalah.
- Harun, M., Yahya, S. R. & Zakaria, N. (t.th). Realisasi tulisan jawi dalam manuskrip Melayu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, hlm. 99-112.
- al-Haythami, A. A. B. (1994). *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. al-Qahirah: Maktabat al-Qudsī.
- Ibrahim, M., Hussin H. & Majid, L. A. (2012). *Warisan Hadis Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isamudin, N. F. A. N. & Ibrahim, M. (2023). Perumian, pentahkikan dan takhrij kitab tafsir harian al-Qur'an al-Karim. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 1-15.
- Mamat, M. A. & Aris, H. (2024). Tradisi penulisan hadith dalam Manuskrip Melayu: Satu kajian khusus terhadap MSS 3201 Rawdah al-'Ulama'. *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies*, 14(28), 134-141.
- al-Mundhiri, A. A. A. Q. (1968). *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. al-Qahirah: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (2006). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Keempat*. Kuala Lumpur: PNM.

- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (2012). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: PNM.
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (2014). *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia* (PNM/DS/06-P1).
https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DASAR_MANUSKRIP_MELAYU_PERPUSTAKAAN_NEGARA_MALAYSIA.pdf [akses 19 April 2024].
- al-Sakhawi, M. B. A. R. (t.th.). *al-Qawl al-Badi' fi al-Salah 'ala al-Habib al-Shafi'*. al-Qahirah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Senin, M. S. M. (2019). Takhrij hadith masyhur berkaitan al-fadail: Kajian kefahaman dan pengamalannya dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di negeri Johor. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Tahhan, M. (1999). *Usul Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. al-Qahirah: Maktabah al-Ma'arif.
- Wadjedy, M. F. & Ali, M. (2025). Takhrij al-hadis. *Journal of Islamic Studies*, 4(1), 149-170
- Yasmin, N. (2016). *Mi'raj al-Salikin karya Muhammad Khatib Langgin dalam tradisi tasawwuf di Aceh abad ke-19*. Disertasi Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.